**KEW.PA-27**

No. Sebut Harga : 01/2024

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

| Bil. | Keterangan aset | Kuantiti | Harga Simpanan (RM) | Deposit Sebut Harga | Lokasi Aset Untuk Dilihat | Tarikh & Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | JIP, HONDA CRV 2.0L I-VTEC (A) (WNN7029) | 1 | 6,000.00 | 300.00 | **Tempat Meletak Kenderaan (Basement), Kementerian Dalam Negeri, Setia Perkasa 8, Kompleks Setia Perkasa, W.P. Putrajaya** | **Taklimat**<br>**Bilik Mesyuarat Seroja, Aras 6, Setia Perkasa 2, Kompleks Setia Perkasa, KDN**<br><br>**29 Januari 2024 (Isnin)**<br><br>**10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**<br><br>**Pegawai :**<br>**En. Muhamad Syafiq bin Dahalan**<br>**03-88863323** |
| 2. | JIP, HONDA CRV 2.0L I-VTEC (A) (WNN6590) | 1 | 7,000.00 | 350.00 | | |
| 3. | JIP, HONDA CRV 2.0L I-VTEC (A) (WPS6559) | 1 | 6,000.00 | 300.00 | | |
| 4. | JIP, TOYOTA FORTUNER 2.7V (P) A/T (WPY1846) | 1 | 15,000.00 | 750.00 | | |
| 5. | JIP, LAND ROVER DEFENDER 110 S/W (WPM9537) | 1 | 9,000.00 | 450.00 | | |
| 6. | JIP, LAND ROVER DEFENDER 110 S/W (WPM9557) | 1 | 9,000.00 | 450.00 | | |

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada seperti **tarikh**, **masa** dan **tempat** seperti yang tertera di atas.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (**KEW.PA-28**) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh **90 hari**.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **01/2024** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **No. 5** harga di alamat:-

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**
**BAHAGIAN PEROLEHAN**
**ARAS 4, SETIA PERKASA 1, KOMPLEKS SETIA PERKASA,**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**62546 PUTRAJAYA**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **5 Februari 2024** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: HAJI KHAIRUDDIN BIN BAKAR
Setiausaha Bahagian Perolehan
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh: 22. 1. 2024

Cap:

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.

2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk draf bank sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA.**

3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga **tidak** akan dipertimbangkan.

4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).

5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.

6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.

7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga **tidak** akan dikembalikan.

8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **7 hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat **tidak** akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.